

31/07/2002

Mengasak minda Melayu buat pilihan bijaksana

SAMA ada orang Melayu mahu membiarkan parti yang mendakwa kononnya Islam membinasakan mereka dan negara; dan sama ada orang Melayu perlu membuang `tongkat' bagi membolehkan mereka menjadi bangsa yang berjaya. Demikian dua persoalan yang disimpulkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai `dilema baru Melayu'. Dalam melontarkan persoalan berkenaan, Perdana Menteri langsung tidak berselindung, sebaliknya secara lantang dan terbuka membayangkan senario terburuk yang mungkin berlaku sekiranya orang Melayu sendiri membuat pilihan yang salah. Sebagaimana lazimnya, Dr Mahathir turut memberikan pelbagai perbandingan dengan peristiwa masa lalu, baik di dalam negeri mahupun di luar negara, dengan harapan pelbagai iktibar dan pengajaran dapat diambil daripadanya.

Sesungguhnya sejarah adalah antara panduan amat berguna. Mereka yang tidak mengambil pengajaran daripada sejarah tidak terkecuali akan mengulangi kesilapan yang sama berulang kali. Daripada kealpaan yang menyaksikan orang Melayu hampir kehilangan negara mereka pada masa lalu, budaya pergantungan dan ihsan yang sukar diubah serta ketaksuban kepada ajaran berlawanan yang kononnya cara Islam, minda orang Melayu sebenarnya diasak hebat agar mereka mendapat kefahaman sejelas-jelasnya serta berupaya memikirkan buruk baiknya dalam menentukan masa depan. Pilihan adalah di tangan orang Melayu sendiri dalam menentukan haluan. Sama ada orang Melayu mahu kembali kepada keadaan silam, kekal di takuk sebagaimana hari ini atau berubah demi kemajuan, pilihan buat mereka terbentang luas.

Sebagaimana dihujahkan Perdana Menteri, dominasi politik akan hanya melindungi orang Melayu untuk suatu tempoh. Dalam bahasa mudah, ia tidak memberi perlindungan selama-lamanya. Begitu juga pergantungan kepada `tongkat' atau hak istimewa Melayu yang hanya menjadikan orang Melayu kekal lemah, tidak memiliki ketahanan, kurang berdaya saing serta menerapkan keyakinan palsu. Untuk berjaya, orang Melayu perlu mengubah budaya mereka. Untuk menjadi kuat dan berupaya berdikari, `tongkat' hendaklah dibuang. Satu pendapat menyamakan `tongkat' ini dengan mukjizat nabi yang hanya sekali dua digunakan. Sebaliknya, jika terlalu kerap, kesaktiannya akan hilang. Iktibar daripadanya ialah orang Melayu masih boleh bergantung kepada `tongkat' apabila keadaan amat mendesak sambil pada masa-masa lain belajar untuk tidak menggunakannya walaupun secara berperingkat atau perlahan-lahan. Tanpa perubahan, kedudukan orang Melayu turut tidak akan berubah.

Mungkin ada pihak yang mempersoalkan siapakah Dr Mahathir untuk mengupas soal agama, apatah lagi membuat tanggapan secara umum bahawa orang Melayu tidak cukup berpengetahuan mengenai Islam untuk membezakan apa yang dituntut oleh agama Islam dan apa yang tidak. Di sebalik itu, saban hari kita menonton atau mendengar mereka yang mendakwa lebih warak dan lebih Islam daripada yang lain mengeluarkan `fatwa' dan `perintah' yang terang-terang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Apakah pandangan seorang yang dilihat sesetengah pihak sebagai kurang berpengetahuan Islam yang harus didengar atau mereka yang memesongkan pengetahuan Islam untuk memperdayakan orang lain? Seharusnya ini tidak pun menimbulkan dilema kepada orang Melayu kecuali mereka yang sudah tertutup hati dan minda hingga tidak lagi berupaya membezakannya.

Peringatan panjang lebar yang dihuraikan Perdana Menteri malam kelmarin menuntut orang Melayu membuat pilihan yang cermat, tanpa didorong emosi serta bijaksana. Kerana bahaya tersilap pilihan amat besar tanpa sebarang

sesalan kemudian dapat mengubah keadaan. Apa yang berlaku di sesetengah negara lain yang kembali mundur dan menjadi porak-peranda tidak mustahil berlaku kepada negara ini, apatah lagi jika perpecahan dan sengketa terus disuburkan. Demokrasi hendaklah dimanfaatkan sebagai hak untuk memilih kerajaan yang bukan hanya berjanji serba-serba hingga langit boleh dicapai, sebaliknya melaksanakan kebaikan untuk negara ini dan rakyat keseluruhannya. Kalau pun orang Melayu masih memerlukan `tongkat' buat beberapa ketika lagi, ia haruslah kepada kerajaan yang dapat menawarkannya.